

08/04/2002

PM kemuka isu Palestin kepada Bush

Norbakti Alias; Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau akan mengemukakan masalah Palestin pada pertemuannya dengan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush di Washington bulan depan.

Beliau berkata, perkara itu akan dibangkitkan kerana beliau sudah berjanji kepada wakil Palestin bagi menjelaskan mengenai penindasan yang dilakukan Israel terhadap rakyat negara itu.

"Saya sudah berjanji kepada wakil Palestin untuk membawa masalah mereka kepada Bush," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita sebaik selesai jamuan tengah hari di Rebak Marina Resort selepas melawat Perkampungan Kristal milik Langkawii Crystaal, bersama sekumpulan pemilik kapal layar Arab Saudi di Pulau Rebak, dekat sini.

Beliau mengakhiri lawatan tiga hari ke Langkawi hari ini selepas menghadiri pelbagai majlis bersama penduduk serta melawat beberapa projek pembangunan di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan agensi berita Reuters Rabu lalu, Presiden Amerika itu menjemput Dr Mahathir melawat Washington pada 12 hingga 14 Mei ini.

Mengenai sama ada pertemuan itu juga membolehkan Perdana Menteri menjadi 'suara' mewakili Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam isu Palestin, Dr Mahathir menjelaskan ia bergantung kepada penerimaan Presiden Amerika itu sendiri.

"Tak tahulah apa Bush nak anggap pertemuan itu tetapi adalah menjadi tanggungjawab saya untuk menjelaskan pendirian Malaysia dalam isu berkaitan penganas," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia hanya boleh mendesak campur tangan Amerika bagi menghentikan tindakan Israel itu.

Usaha itu, katanya, sudah dibuat agar masyarakat antarabangsa mengutuk serangan tentera Israel ke atas penduduk Palestin.

"Namun, Israel tetap degil dan sombong sehingga wakil Eropah turut menghadapi kesukaran mengadakan pertemuan dengan Arafat," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan dengan pegawai kanan Kongres Amerika di Berjaya Beach & Spa Resort, di sini bagi menjelaskan pendirian Malaysia mengenai beberapa isu antarabangsa.

Pertemuan bagi sesi ketiga itu dihadiri 18 pegawai kanan Kongres Amerika yang mewakili parti Republikan dan Demokratik.

Turut hadir, bekas Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub dan Presiden Kelab Penyokong Kerajaan, Datuk Jamaluddin Jarjis.

"Pertemuan itu adalah baik kerana membolehkan mereka lebih memahami Malaysia," katanya.

Mengulas kenyataan wakil rakyat Singapura agar penduduk republik itu memboikot membeli-belah di Malaysia, Perdana Menteri berkata pandangan seperti itu tidak perlu diambil kira.

"Itu dia cakap saja, kita tak perlu ambil kira," katanya.

Wakil rakyat Nee Soon Central, Ong Ah Heng dipetik akhbar republik itu, Straits Times, sebagai berkata, masanya sudah tiba untuk penduduk Singapura menyatakan pendirian bagi menyokong kerajaan.

Ong berkata, jika Malaysia terus mengkritik dan mengugut republik itu, penduduk negara itu perlu mengelakkan daripada berbelanja di negara ini.

Hubungan kedua-dua negara tegang berikutan kerja penambakan laut oleh Singapura tanpa mahu mengambil kira pandangan Malaysia.

Mengenai lawatan tiga harinya ke sini, Perdana Menteri berkata, kunjungan kali ini sangat baik kerana selain merapatkan hubungan dengan rakyat, ia memberi kesempatan memperkenalkan pulau legenda itu kepada beberapa jutawan Arab Saudi.

"Mungkin pelancong dari Arab ini akan membawa kapal layar mereka ke Langkawi.

"Kita juga berharap suatu hari nanti, mereka (orang Arab) menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelayaran mereka," katanya yang mengadakan pertemuan hampir sehari suntuk bersama jutawan Arab semalam.

Pada lawatan di Perkampungan Kristal sebelum itu, Perdana Menteri turut melihat pelan sebuah masjid yang diperbuat daripada kristal, dipercayai yang pertama dunia.

(END)